

04 APRIL 2018

Seludup 700 kilogram syabu ke Malaysia

Polis Thailand pintas sindiket seludup 700 kilogram syabu ke Malaysia

THAILAND berjaya memintas dan merampas serbuk kristal syabu dan dadah-dadah jenis lain seberat 700 kilogram dari Wilayah Chumpon, selatan Thailand pada 28 Mac lalu ketika dadah-dadah itu cuba diseludup ke Malaysia.

Polis Thailand menyifatkan rampasan serbuk kristal syabu bernilai 890 juta baht (RM110.2 juta) itu adalah yang terbesar di negara berkenaan.

Pihak keselamatan turut menangkap dua warga tempatan dan dua rakyat Malaysia yang terlibat dengan penyeludupan dadah tersebut.

Rampasan terbaharu menunjukkan bekalan dadah dibawa keluar secara berterusan dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand



POLIS Thailand menunjukkan salah satu rampasan dadah syabu pada sidang akhbar di Bangkok, Thailand semalam. REUTERS

Ketua Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) Asia Tenggara, Jeremy Douglas berkata, rampasan besar-besaran

itu menunjukkan bekalan dadah terus membanjiri pasaran Asia Tenggara dan turut dijual pada harga jauh lebih tinggi di Australia dan New Zealand.

» BERITA PENUH DI MUKA 2

Thailand rampas dadah bernilai RM110.2 juta mahu diseludup ke Malaysia 700 kilogram bekalan syabu maut

BANGKOK — Polis Thailand memamerkan serbuk kristal syabu dan sejumlah dadah lain yang kesemuanya bernilai RM110.2 juta ((890 juta Baht) pada sidang akhbar di sebuah pejabat kerajaan di sini semalam.

Sebahagian daripada 700 kilogram (kg) kristal syabu bernilai RM86.6 juta (700 juta baht) merupakan dadah yang berjaya dipintas polis Thailand ketika ia cuba diseludup masuk ke Malaysia pada 28 Mac lalu.

Kejayaan memintas kemasukan dadah ke Malaysia itu merupakan antara rampasan terbesar polis negara Gajah Putih itu pada tahun ini.

Antara dadah lain yang dipamerkan ialah kokain, kanabis dan ekstasi. Kesemua dadah yang dipamerkan dirampas dalam siri serbuan antara 25 Mac hingga 1 April lalu.

Polis Thailand memberitahu, syabu berjumlah 700kg tersebut berjaya dipintas di wilayah Chumpon, selatan Thailand. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebelum ini memberi amaran bahawa dadah dari kawasan Segi Tiga Emas di sempadan Laos, Myanmar dan Thailand sedang membanjiri Asia Tenggara.

Dadah yang mahu dibawa ke Malaysia itu juga datang dari Segi Tiga Emas yang menjadi pengeluar terbesar barang terlarang itu. Bersama rampasan itu, polis Thailand menahan dua warga tempatan dan dua

rakyat Malaysia.

Pasaran syabu berkembang pada kadar yang membimbangkan di Asia Tenggara dan Asia Timur. Dalam tahun 2015, pakar-pakar melaporkan penagihan syabu di dua rantau berkenaan meningkat secara mendadak.

Pada tahun 2017, Pejabat PBB Mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) mengklasifikasikan syabu mencetuskan ancaman global terbesar pada masa kini.

"Rampasan-rampasan besar ini menunjukkan bekalan dadah berterusan dibawa keluar dari Segi Tiga Emas dan utara Shan di Myanmar bagi membantiri pasaran Asia Tenggara.

"Rantau Asia Tenggara juga dikesan ada yang digunakan sebagai transit untuk memasarkan dadah itu ke pasaran lain seperti Australia, New Zealand dan ada lebih jauh lagi," kata ketua UNODC Asia Tenggara, Jeremy Douglas.

Kebanyakan dadah tersebut dihasilkan di luar Thailand dan diseludup melalui negara itu untuk menuju ke Australia, Amerika Utara dan Eropah.

"Harga jumlah rampasan dadah yang kami umumkan adalah nilai di pasaran gelap Thailand," kata Komander Biro Pembenterasan Narkotik, Leftenant Jeneral Polis, Sommai Kongvisaisuk.

"Sebaik sahaja dadah tersebut berada di luar Thailand, harganya akan meningkat," ujarnya.



PIL ekstasi adalah antara yang dipamerkan pada sidang akhbar di sebuah pejabat kerajaan di Bangkok semalam.

Peta lokasi Segi Tiga Emas Asia Tenggara



Sementara itu, di Malaysia, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh ketika dihubungi *Kosmo!* berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) senantiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa Thailand dalam menangani kes penyeludupan masuk dadah memba-



POLIS Thailand menahan dua lelaki rakyat Malaysia berusia 49 dan 34 tahun di Hatyai pada 28 Mac lalu kerana dipercayai cuba menyeludup dadah ke sempadan Malaysia.

INFO Kes-kes cubaan seludup dadah dari Thailand ke Malaysia

7 Februari 2018 - Polis Thailand merampas 95 kilogram dadah jenis syabu dianggarkan bernilai RM12 juta yang disembunyikan di sebuah resort di Khuan Kalung, wilayah Satun untuk diseludup ke Malaysia

22 Ogos 2017 - Pihak berkuasa Thailand merampas 200 kilogram dadah syabu bernilai kira-kira RM50 juta di Sadao, Thailand dan menahan dua lelaki rakyat Malaysia yang hendak menyeludup dadah tersebut ke Malaysia

26 Mac 2016 - Polis Thailand menahan 21 orang rakyat Malaysia yang merupakan anggota sindiket penyeludupan dadah dan merampas syabu 226 kilogram dan 8 kilogram heroin bernilai RM400 juta di empat wilayah berbeza iaitu di Hua Hin, Ratchaburi, Prachuabkirin dan Phattalung

8 Jun 2012 - Polis Thailand berjaya menahan seorang wanita Malaysia di Bangkok bersama dadah seberat 4.8 kilogram bernilai RM1.55 juta. Dia merupakan keldai dadah yang direkrut oleh sindiket pengedaran dadah didalangi warga Nigeria

bitkan rakyat dua negara.

"Selalunya, jika ada rakyat Malaysia yang diberikan membabitkan kes dadah, kita akan hantar pegawai penyiasat PDRM ke Thailand untuk melakukan soal siasat bagi mengenal pasti saki-baki ahli sindiket berkenaan di

Malaysia. "Bagi kes yang terbaru membabitkan rampasan terbesar di Thailand, polis Malaysia belum mendapat maklumat lanjut dan kita berhubung dengan pihak Thailand untuk membantu siasatan," katanya. - Reuters